

Aplikasi Penggunaan Kaedah *Al-Darurah Tubih Al-Mahzurat* Dalam Penggunaan Ubat Pencair Darah Bagi Wanita Mengandung Dan Bersalin

Application Al-Darurah Tubih Al-Mahzurat Method in the Use of Anticoagulant for Pregnant and Postpartum Women

Nur Suhada Mohd Zainun¹

Norhidayah Pauzi²

Raihana Abdul Wahab³

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aplikasi penggunaan kaedah al-Darurah Tubih al-Mahzurat dalam penggunaan ubat pencair darah bagi wanita mengandung. Kaedah al-Darurah Tubih al-Mahzurat diperkenalkan sebagai satu pendekatan alternatif dalam menangani keperluan ubat-ubatan semasa kehamilan dengan memberikan penekanan kepada keselamatan dan keberkesanan penggunaan ubat pencair darah pada golongan ini. Kajian ini melibatkan tinjauan terhadap kajian literatur dan analisis melalui pendekatan komparatif dan induktif terhadap qawaid fihiyyah yang diguna dalam menyelesaikan kemelut masalah ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah al-Darurah Tubih al-Mahzurat membolehkan ubat pencair darah tersebut digunakan oleh wanita hamil dan selepas bersalin apabila wujud keperluan yang mendesak seperti risiko trombotis atau komplikasi lebih serius yang boleh mengancam nyawa ibu dan bayi. Analisis mendapati bahawa neraca pertimbangan masalah dan mafsadah menjadi nadi utama dalam menentukan hukum penggunaan ubat berkenaan. Kajian ini mendapati bahawa kaedah ini iaitu al-Darurah Tubih al-Mahzurat amat sesuai untuk diaplikasikan dalam menyelesaikan kemelut ini sekaligus ememberikan panduan yang praktikal dalam menjaga kesihatan ibu mengandung dan selepas melahirkan anak.

Kata Kunci: *Al-Darurah Tubih al-Mahzurat, Kaedah Fiqh, Ubat Pencair Darah, Wanita Mengandung, Keselamatan kehamilan*

ABSTRACT

This study aims to examine the application of the al-Darurah Tubih al-Mahzurat method in the use of blood thinners for pregnant women. The al-Darurah Tubih al-Mahzurat method was introduced as an alternative approach in addressing the need for medications during pregnancy by emphasizing the safety and effectiveness of the use of blood thinners in this group. This study involves a review of literature studies and analysis through a comparative and inductive approach to the qawaid fihiyyah used in resolving this dilemma. The results of the study show that the use of the al-Darurah Tubih al-Mahzurat method allows blood thinners to be used by pregnant women and after childbirth when there is an urgent need such as the risk of thrombosis or more serious complications that can threaten the lives of the mother and baby. The analysis found that the balance of considerations masalah and mafsadah is the main pulse in determining the ruling on the use of the medication. This study found that this method, al-Darurah Tubih al-Mahzurat, is very suitable for application in resolving this dilemma as well as providing practical guidance in maintaining the health of pregnant women and after childbirth.

¹ (Corresponding Author). Pelajar Sarjana. Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. suhadazainun2010@gmail.com

² Pensyarah Kanan. Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. da_my@um.edu.my.

³ Pensyarah Kanan. Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. raihanawahabum.edu.my

Keywords: *Al-Darurah Tubih Al-Mahzurat, Legal Maxim, Blood Thinners, Pregnant Women, Pregnancy Safety*

PENDAHULUAN

Dalam dunia perubatan moden, ubat pencair darah (antikoagulan) sering kali digunakan dan menjadi pilihan rawatan untuk mencegah pembekuan darah yang boleh membawa risiko tinggi seperti embolisme. Namun, bagi wanita yang sedang mengandung atau selepas melahirkan anak, penggunaan ubat ini menimbulkan beberapa kekusaran. Hal ini kerana, selain manfaatnya dalam mencegah komplikasi yang serius, terdapat risiko yang boleh membahayakan ibu dan janin. Dalam konteks ini, qawaid fiqhiyyah menjadi relevan untuk diaplikasikan. Prinsip ini membolehkan perkara yang biasanya dilarang seperti penggunaan ubat dengan kesan sampingan yang berbahaya dibenarkan dalam situasi di mana terdapat keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan. Kaedah fiqh atau sering disebut qawaid fiqhiyyah merupakan salah satu sumber sandaran hukum yang digunakan dalam menyelesaikan isu-isu baharu yang timbul. Kaedah fiqh juga turut menyumbang dalam menjadi penguat dan hujah sokongan kepada dalil-dalil dalam pengeluaran hukum hakam. Kaedah fiqh ini dikeluarkan daripada sumber primer seperti al-Quran dan hadis-hadis daripada Rasulullah SAW. Antaranya ialah kaedah al-Darar Yuzal dan mempunyai banyak kaedah furu' yang terbit daripadanya. Dalam masalah ubat pencair darah terutamanya bagi golongan ibu hamil dan selepas bersalin sangat memerlukan kepada perincian hukum. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana kaedah ini dapat diterapkan dalam konteks penggunaan ubat pencair darah bagi wanita mengandung dan bersalin serta memahami pertimbangan etika dan syariah yang terlibat dalam keputusan perubatan tersebut. Dan kaedah al-Darurah Tubih al-Mahzurat antara kaedah yang boleh diaplikasikan dalam isu ini.

QAWAID FIQHIYYAH DAN KEDUDUKANNYA DALAM FIQH

Qawaid Fiqhiyyah merupakan satu prinsip yang digunakan untuk menyelesaikan hukum syarak tertentu. Ia dihasilkan oleh para ulama dan cendekiawan untuk memudahkan masalah dalam bidang fiqh dirujuk kepada prinsip dan dasar hukum syarak untuk meleraikan kekusutan yang ada. Walau bagaimanapun, qawaid fiqhiyyah adalah rumusan perundangan yang teliti tentang hukum fiqh yang memudahkan orang ramai mengingat, mengkaji dan menguasai hukum hakam yang berkaitan dengan fiqh ini. Al-Qawaid al-Fiqhiyyah ialah gabungan dua perkataan yang membentuk satu gabungan perkataan yang membawa makna. Istilah al-Qawaid al-Fiqhiyyah ini terdiri daripada idafah sifat dan merupakan murakkab idafi, menurut tatabahasa Arab. Kata jamak al-qawaid berasal daripada kata asal al-qaidah. Dari perspektif bahasa, al-qawaid membawa bermaksud asas dan dikumpulkan menjadi satu peraturan sebagai contoh peraturan keluarga, peraturan tentang kenderaan dan sebagainya.⁴ Ianya juga dapat dilihat pada ayat al-Quran :

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu,

⁴ Mahmud Bilal Mahran, al-Madkhal lil Dirasah al-Fiqh al-Islami, (Kaherah: Darul Thaqqofah, 1983), 197.

sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau lah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui".

(al-Baqarah 2 : 127)

Dari segi istilah pula para fuqaha' mentafsirkan *al-qawaid* dengan satu bentuk berbeza. Sebahagian ulama memberi definisi sebagai asas yang bersifat menyeluruh iaitu kulliyah dan mempunyai perundangan secara umum dalam mendepani isu-isu kontemporari. Sebahagian ulama lagi mentafsirkan sebagai sesuatu perkara yang terbina dari satu perkara yang lain iaitu yang bersifat juzi'.⁵ Al-Suyuti juga menggunakan istilah *al-qa'idah* untuk menentukan hukum-hukum juz'iyah yang diambil daripadanya, yang merujuk kepada sesuatu yang *kulli* tetapi mempunyai banyak bahagian.⁶

Al-Fiqhiyyah pula membawa maksud faham yang mana berasal daripada perkataan al-fiqh. Menurut al-Ghazali, ilmu fiqh boleh ditakrifkan sebagai ilmu syariah, atau undang-undang daripada Allah yang meliputi semua aspek kehidupan. Istilah "furuq" dalam agama juga berkaitan dengannya. Ia juga boleh dianggap sebagai ingatan dan ketakutan pada Allah. Ini menunjukkan bahawa fiqh itu tidak terhad kepada situasi tertentu seperti perkahwinan atau muamalat, tetapi ia lebih besar dengan menjadikan orang Islam mengingati Allah setiap masa seperti firman Allah:⁷

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي
الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Terjemahan: "Dan tidaklah sepatutnya orang-orang yang beriman keluar semuanya pergi ke medan perang. Oleh itu hendaklah sebahagian sahaja dari golongan mereka yang tidak pergi untuk mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila sebahagian itu kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)".

(Surah at-Taubah 9: 122)

Oleh itu, istilah "al-fiqh" merujuk kepada bidang pengetahuan yang mengkaji hukum syarak secara praktikal dan digabungkan dengan dalil yang jelas dan terperinci. Dalil-dalil ini telah menjadi asas pendalilan utama bagi setiap manhaj dan mazhab.

Walaupun terdapat pelbagai definisi yang berbeza dari segi lafaz dan makna akan tetapi ianya tetap merujuk kepada maksud yang sama. Jadi dapat dikonklusikan bahawa definisi *qawaid fiqhiyyah* ialah satu kaedah dalam bidang fiqh yang dikumpul dan disusun secara sistematik serta bersifat umum yang mana dapat menyelesaikan

⁵ Salih bin Ghanim al-Sadlan, *Al-Qawa'id Fiqhiyyah al-Kubra wa ma tafarra' anha* (Riyadh: Dar Bilanasiyah, 1997) 12.

⁶ Jalaluddin Abdul Rahman al-Suyuti, *al-Asybah wa Nazair fi qawaid wa furu' fiqh al-Syafiiyyah*, (Lubnan : Darul Kutub al-Alamiyyah, 1983), 11.

⁷ Muhammad bin Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali al-Tuusi, *Ihya Ulumuddin*, (Beirut: Darul Ibnu Hazim, 2005), 41.

sebahagian besar daripada masalah-masalah furuk dalam kerangka fiqh. Dengan adanya kaedah ini, ianya banyak memberi jalan keluar kepada masalah fiqh yang mengelirukan masyarakat serta membawa sinar dan manfaat yang besar dalam perkembangan Islam terutamanya dalam zaman serba canggih ini.⁸ *Al-qawaid al-fiqhiyyah* diaplikasikan dalam pelbagai bidang dan kepakaran termasuklah dalam ibadah, mualamat, kekeluargaan, undang-undang jenayah, siyasah syariyyah, adab dan akhlak.⁹

KAEDAH AL-DARURAT TUBIH AL-MAHZURAT DARI PERSPEKTIF FIQH

Kaedah *al-Darar Yuzal* bermaksud menghilangkan kemudaratan. Kaedah ini diambil daripada hadis Nabi SAW iaitu "*La Darar Wa La Dirar*" yang bermaksud "tidak mudarat dan tidak mendatangkan kemudaratan". Kaedah ini menjelaskan bahawa sesuatu perkara yang membawa kepada kemudaratan perlu dihalang dan dicegah sebelum mudarat sebenar berlaku. Qawaid fiqhiyyah disandarkan pada dalil yang sahih. Oleh itu terdapat beberapa sumber dalil dalam pembentukan sesuatu kaedah itu. Antaranya dalil bagi kaedah fiqh *al-Darar Yuzal* daripada hadis ialah:

مَنْ ضَارَّ أَضَرَ اللَّهُ بِهِ وَمَنْ شَاقَّ شَاقَّ اللَّهُ عَلَيْهِ

Terjemahan: "Sesiapa yang memudaratkan, Allah akan memudaratkannya, dan sesiapa yang memberi susah, Allah akan menyusahkannya".¹⁰

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa amaran daripada Allah agar tidak berbuat kerosakan. Ali Ahmad an-Nadwi turut mentafsirkan makna *al-Darar* iaitu sesuatu perkara yang sememangnya mendatangkan kerosakan dan mudarat dan juga mudarat itu turut dirasai oleh orang lain secara mutlak.¹¹

Kaedah *al-Darar Yuzal* merupakan satu kaedah besar yang mempunyai beberapa furu' yang lebih terperinci. Antara kaedah dibawahnya ialah kaedah *al-Darurah Tubih al-Mahzurat*:

الضرورات تبيح المحظورات¹²

Terjemahan : "Darurat mengharuskan yang dilarang"

Al-Burnur menjelaskan bahawa kaedah al-Darurah Tubih al-Mahzurat ini ialah sesuatu perkara haram namun telah menjadi harus dalam keadaan yang mendesak. Menurut Abdulrahman Abdullatif pula kaedah ini membawa maksud sesuatu perkara yang asalnya telah diharamkan oleh syarak namun menjadi harus dalam keadaan yang mencapai tahap darurat dan hanya dengan melakukan perkara haram tersebut sahaja

⁸ Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri, "Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam al-Qawaid al-Fiqhiyyah", *Jurnal Syariah* 3, (2020), 527-564.

⁹ Solih Bin Ghanam al-Sadlan, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kubra wa ma Tafra'u Anha*, (Riyad : Darul Balansiyah Li Nahsyri wa Tawzi', 1997), 32.

¹⁰ Hadis riwayat Abu Dawud, Kitab al-Aqdiyyah, Bab min al-Qada', no. hadis 3635. Shu'ayb al-Arnaut menilai hadis ini *sahih lighayrih*.

¹¹ Ali Ahmad Nadwi Al-Qawa'id Al-Fiqhiyah: Mafhumuha, Nash 'Atuha, Tatawuruhu Dirasatmu'allafatiha Adillatuha, Muhimmatuha ,Tatbiqatuha (Damsyik: Darul Qalam, 1994), 288.

¹² Mustafa Ahmad al-Zarqa', "Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah (Damsyiq: Darul Qalam, 1989), 185.

yang dapat mengangkat mudarat itu dari terus berlaku. Definisi ini juga senada dengan pandangan Ismail 'Ulwan yang menjelaskan bahawa darurat dalam kaedah ini merupakan darurat yang teramat yang berlaku ke atas mana-mana orang Islam yang mukallaf. Oleh itu, Allah membenarkan perkara yang haram mengikut keperluan darurat yang sedang dilalui itu.¹³

Berdasarkan definisi di atas, kesimpulan yang dapat difahami ialah kaedah ini akan membolehkan sesuatu hukum yang asalnya haram dalam situasi yang darurat sahaja. Menurut Al-Suyuthi kaedah ini mempunyai beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi antaranya ialah kadar kemudaratan itu mestilah lebih besar daripada mahzurat itu sendiri. Oleh itu dapat difahami bahawa tidak boleh melakukan perkara yang haram lebih-lebih lagi jika sisi negatifnya lebih besar kesan daruratnya lebih kecil.¹⁴

Kaedah ini seringkali diaplikasikan dalam bidang farmaseutikal dan perubatan. Sebagai contoh penggunaan ubat yang terdiri daripada bahan yang tidak halal akan dibenarkan dalam beberapa situasi. Selain itu, keharusan datang bersama-sama dengan cadangan daripada pakar perubatan yang dihormati dan ahli agama yang alim. Contoh lain yang terkenal ialah keharusan memakan bangkai atau haiwan haram apabila tersangat lapar sehingga kematian dan tiada makanan halal lain tersedia. Jadi, dalam keadaan darurat ia dibenarkan dan diharuskan oleh syarak.¹⁵

UBAT PENCAIR DARAH BAGI WANITA HAMIL

Tromboembolisme vena (VTE) atau lebih mudah dikenali sebagai darah beku dalam salur darah vena. Keadaan ini akan menyebabkan aliran darah dikawasan itu terhalang. VTE terbahagi kepada dua keadaan iaitu trombosis vena dalam (DVT) dan embolisme pulmonari (PE). DVT biasanya akan berlaku dalam saluran darah vena pada bahagian bawah kaki dan betis. Keadaan ini dikaitkan dengan situasi seseorang individu itu berada dalam perjalanan udara serta perjalanan yang panjang menggunakan kereta, bas ataupun kereta api. Manakala Embolisme Pulmanori pula berlaku jika darah beku tersebut telah pecah dan bergerak ke jantung melalui paru-paru.¹⁶ Keadaan ini merupakan satu situasi yang boleh mendatangkan bahaya dan boleh menyebabkan kematian jika tidak dicegah daripada awal. Petanda awal pesakit berkemungkinan mengidap VTE ialah kesukaran bernafas, jantung berdegup dengan laju dan tidak teratur, kesakitan dibahagian dada, batuk berdarah dan ibu hamil juga boleh pitam secara tiba-tiba.¹⁷

Wanita mengandung sering kali dikaitkan dengan bermacam jenis penyakit seperti kencing manis, darah tinggi dan sebagainya. Menurut statistik, kadar kematian ibu di Amerika Syarikat antara yang tertinggi di kalangan negara maju dan angka tersebut akan terus meningkat. Penyakit kardiovaskular adalah punca utama kematian

¹³ Murdani, "الضرورة تبيح الحملات" Kondisi Dharurat Membolehkan Hal-hal yang Diharamkan", Jurnal al-Mizan: Jurnal Hukum Islam dan Ekonomi Syariah 8, (2021), 105.

¹⁴ Imam Jalaludin Abdul Rahman al-Suyuthi, al-Asybah wa Nazair fi Qawaid wa Furuq fiqh al-Syafie, (Lubnan: Darul Kutub al-Ilmiah, 1983), 84.

¹⁵ Murdani, "الضرورة تبيح الحملات" Kondisi Dharurat Membolehkan Hal-hal yang Diharamkan", Jurnal al-Mizan: Jurnal Hukum Islam dan Ekonomi Syariah 8, (2021), 105.

¹⁶ "What Is Venous Thromboembolism?", Laman Sesawang National Heart, Lung and Blood Institute, Dikemaskini 19 September 2022, <https://www.nhlbi.nih.gov/health/venous-thromboembolism>

¹⁷ Dato Dr H Krishna Kumar, "Mencegah VTE Semasa Mengandung", Laman Sesawang Persatuan Pediatrik Malaysia, Dikemaskini 21 November 2019, <https://mypositiveparenting.org/ms/2019/11/21/mencegah-vte-semasa-mengandung/#:~:text=Kehamilan%20meningkatkan%20risiko%20VTE%20sebanyak,kehilangan%20darah%20semasa%20kelahiran%20bayi.>

ibu di negara maju dan menyumbang lebih daripada satu pertiga daripada kematian berkaitan kehamilan. Selain daripada itu, penyakit yang sering menyerang wanita hamil dan selepas kelahiran ialah Tromboembolisme vena (VTE). VTE yang berkaitan dengan kehamilan boleh membawa kesan jangka pendek yang serius serta komplikasi jangka panjang termasuk sindrom pasca trombotik dan seterusnya akan memberi kesan kepada kualiti hidup ibu. Risiko VTE di kalangan wanita hamil dan selepas bersalin adalah 6 kali lebih tinggi berbanding wanita tidak hamil. Risiko ini juga akan meningkat sesuai dengan usia kehamilan. Risiko VTE ini adalah dua kali ganda lebih tinggi semasa trimester pertama dan kedua, kemudian akan meningkat sehingga 9 kali ganda lebih tinggi semasa trimester ketiga, manakala risiko tertinggi akan dihadapi semasa tempoh selepas bersalin.¹⁸

VTE sering dicetuskan oleh keadaan tertentu yang berkaitan dengan kehamilan namun boleh dielakkan serta dicegah dengan perawatan yang sepatutnya.¹⁹ Menurut Dr Majdah Binti Mohamed, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia, statistik menunjukkan penurunan kes yang ketara sebanyak 89 kes selepas tromboprolifaksis dilaksanakan terhadap wanita dalam tempoh bersalin dan berpantang. Ini menunjukkan bahawa VTE boleh dicegah daripada awal lagi dengan melakukan ujian saringan terhadap ibu hamil dan selepas bersalin.²⁰

Bagi merawat masalah darah beku ini, ubat pencair darah akan dibekalkan kepada wanita hamil dan selepas bersalin yang mempunyai risiko mendapat penyakit ini. Oleh itu, ubat antigumpal seperti heparin berat molekul rendah (LMWH atau *low molecular weight heparin*) dan heparin tanpa pecahan (UFH) adalah antara rawatan yang disyorkan untuk VTE. Secara amnya, tiga jenis ubat pencair darah yang paling biasa digunakan ialah Heparin, Fondaparinux (*arixtra*), dan Enoxaparin (*claxane*).

Clexane merupakan salah satu golongan ubat-ubatan yang mengandungi Heparin Rendah Berat Molekul dan *enoxaparin sodium* yang membantu dalam mencegah pembentukan darah beku dalam saluran vena. Selain daripada rawatan bagi wanita mengandung dan bersalin, *Clexane* juga digunakan dalam mencegah pembentukan darah semasa proses hemodialisis dan prosedur gantian buah pinggang. Selain itu ia juga turut digunakan dalam rawatan untuk serangan jantung dan sakit dada.²¹

Selain daripada ubat *Clexane*, ubat *Arixtra* (*fondaparinux*) antara ubat pencair darah yang turut digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam merawat pesakit yang diperbuat daripada bahan sintetik. *Fondaparinux* yang terkandung dalam ubat *Arixtra* itu tidak diproses daripada tisu khinzir dan menjadi alternatif yang halal dalam mencegah pembentukan darah beku. Ubat ini juga turut digunakan dalam merawat beberapa jenis penyakit yang melibatkan jantung atau angin yang kuat disebabkan oleh arteri jantung yang tersepit.²²

Namun kajian menunjukkan bahawa ubat *Clexane* memberi banyak kebaikan terutamanya terhadap golongan wanita hamil dan selepas bersalin. Ini kerana, ubat jenis ini tidak memberikan kesan yang buruk terhadap bayi yang dikandung juga terhadap

¹⁸ Syed Bukhari a, Shumail Fatima b, Amr F. Barakat c, Annemarie E. Fogerty d, Ido Weinberg e, Islam Y. Elgendy, "Venous thromboembolism during pregnancy and postpartum period", *European Journal of Internal Medicine* 97, (2022), 8-17. <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0953620521004155>

¹⁹ Ibid.

²⁰ Zizi Azlinda Mohd Yusof, Irwan Mohd Subri & Nur Zaireena Zainal, "The Application Of Porcine Based Medicine In Pregnancy And Puerperium As Preventive Medicine From Maqasid Shariah: A Literature Review", *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 13, No 2 (2019), 129.

²¹ Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP), Kementerian Kesihatan Malaysia.

²² Ibid.

ibu yang mengandung. Disebabkan itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia turut menjadikan LMWH sebagai alternatif utama bagi merawat darah beku ibu yang mengandung dan selepas melahirkan anak. Menurut kajian, ubat ini juga tidak menyebabkan kecacatan pada bayi seterusnya mengelakkan berlakunya pendarahan yang teruk bagi ibu.²³

Selain itu, Clexane lebih baik daripada Heparin dari segi kualiti, keselamatan dan keberkesanan dalam merawat pesakit. Fondaparinux adalah lebih baik daripada pesaingnya, tetapi harganya yang agak tinggi menjadi penghalang kepada pengguna. Oleh itu, ini akan menimbulkan kesukaran yang besar bagi pesakit yang berasal dari latar belakang yang kurang berkemampuan. Tambahan pula, penjagaan perubatan untuk pesakit ini yang menerima Heparin agak mencabar, sama ada di hospital atau di rumah. Dan ini akan menyukarkan waris untuk menjaga dan merawat pesakit, yang memerlukan penjagaan yang sangat teliti.²⁴

FATWA BERKAITAN UBAT PENCAIR DARAH

Fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tahun 2009 telah menetapkan hukum penggunaan ubat Clexane dan Fraxiparine ini. Muzakarah Fatwa Kebangsaan bersepakat bahawa penggunaan ubat bersumberkan bahan yang haram dalam merawat pesakit adalah dilarang dalam Islam kecuali dalam keadaan di mana tiada ubat dari sumber yang halal ditemui. Keharusan itu turut diberikan bagi menghindari kemudaratan mengikut kadar yang diperlukan sahaja sehingga ubat dari sumber yang halal ditemui.²⁵

Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa penggunaan ubat Clexane dan Fraxiparine yang dianggap darurat kepada para pesakit dalam mencegah pembekuan darah secara serta merta ketika pesakit yang berada pada tahap kritikal adalah tidak diharuskan. Ini kerana kedua-dua jenis ubat ini dihasilkan dari sumber yang diharamkan Islam. Tambahan pula terdapat alternatif ubat iaitu Arixtra yang dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan Clexane dan Fraxiparine.²⁶

Menurut Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), ubat ini terhasil daripada heparin berat molekul rendah (low molecular weight heparin) atau LMWH yang diproses daripada usus khinzir. Secara asasnya dalam Islam, penggunaan ubat-ubatan yang bersumberkan najis adalah haram namun boleh menjadi harus dalam keadaan darurat yang mengancam nyawa. Antara faktor yang perlu diambil kira dalam mengukur tahap darurat tersebut termasuklah:

- Ketidadaan alternatif lain yang halal serta mempunyai keberkesanan yang setara.

²³ Zeanaaaima Mohd Yusof, "Kaji fatwa 'ubat sumber babi' untuk ibu mengandung, pensusarahan beritahu Jakim", Dikemaskini 7 Disember 2022, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/12/07/kaji-fatwa-ubat-sumber-babi-untuk-ibu-mengandung-pensusarahan-beritahu-jakim/>

²⁴ Dr Suhazeli Abdullah, "Penggunaan Enoxaparin (clexane) vs Fondaparinux (arixtra); haram vs halal", Laman Sesawang Suhazeli.com, Dikemaskini 14 Disember 2014, <https://suhazeli.com/wp/penggunaan-enoxaparin-clexane-vs-fondaparinux-arixtra-haram-vs-halal/>

²⁵ Hukum Penggunaan Ubat Clexane dan Fraxiparine, laman sesawang e-SMAF (e-Sumber Maklumat Fatwa), dicapai 2 September 2021, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/main1/fatwa/pr/15254>

²⁶ Hukum Penggunaan Ubat Clexane dan Fraxiparine, laman sesawang e-SMAF (e-Sumber Maklumat Fatwa), dicapai 2 September 2021, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/main1/fatwa/pr/15254>

- Tahap risiko kepada nyawa ibu atau bayi jika ubat ini tidak digunakan.
- Keadaan pesakit yang kritikal atau yang memerlukan rawatan segera.
- Nasihat daripada pakar perubatan yang diyakini terumatanya dalam bidang berkenaan.
- Keseimbangan antara masalah (kemaslahatan) dan mafsadah (kemudaran) menurut syarak

Justeru, keputusan untuk mengharuskan penggunaan ubat ini perlu dilakukan secara berhati-hati dan terperinci dengan mempertimbangkan faktor-faktor tersebut juga merujuk kepada panduan syarak serta pakar dalam bidang perubatan.²⁷

Jabatan Mufti Negeri Sembilan juga menyatakan bahawa Arixtra Solution (Fondaparinux Sodium) yang mempunyai tahap keupayaan yang sama untuk mencegah darah beku telah ditemui sebagai pengganti Clexane. Penyelesaian ini telah didaftarkan secara sah dengan BPFK dengan nombor pendaftaran MAL 20034441A. Arixtra yang dibuat daripada bahan sintetik dan tidak mengandungi bahan daripada haiwan, terutamanya babi, berfungsi dengan baik untuk pesakit yang menjalani pembedahan besar ortopedik, sama ada lutut atau pinggang. Arixtra telah menghilangkan keharusan menggunakan bahan haram kerana ia bertepatan dengan kaedah fiqh bahawa keharusan sesuatu perkara adalah disebabkan oleh keuzuran, dan keharusan itu terbatal apabila keuzuran itu hilang.²⁸

Penggunaan ubat Clexane dalam pencegahan darah beku terus menjadi subjek perdebatan. Meskipun sudah ada pengganti seperti Arixtra, namun Clexane masih juga diperlukan dalam merawat pesakit atas beberapa faktor termasuk kadar keberkesannya yang terbukti tinggi dalam pencegahan darah beku. Selain itu, aksesibiliti ubat Clexane yang lebih meluas berbanding Arixtra. Kos ubat Arixtra juga yang tinggi menjadi halangan utama kepada pesakit terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu ia menjadikan Clexane pilihan yang lebih praktikal dalam rawatan pencegahan darah beku.²⁹

Dalam situasi ini, kekeliruan boleh berlaku apabila terdapat percanggahan antara pandangan fatwa, nasihat daripada pakar perubatan dan keadaan pesakit untuk mendapatkan rawatan. Perkara ini sering terjadi dek kerana orang awam cenderung bergantung kepada nasihat daripada ahli agama dan serta pakar dalam bidang kesihatan. Apabila wujud perbezaan pandangan atau maklumat yang kurang jelas, pesakit mungkin menghadapi dilema untuk membuat keputusan yang bertepatan dengan ajaran agama serta selari dengan kesihatan mereka.

Oleh itu, diskusi yang harmoni antara ulama, pakar perubatan serta pihak-pihak yang berautoriti amat diperlukan untuk merungkai isu ini dengan adil. Selain itu, inisiatif seperti menurunkan kos Arixtra atau menyediakan subsidi juga perlu dipertimbangkan bagi memastikan setiap pesakit, tanpa mengira status kewangan, mendapat rawatan yang sesuai.³⁰

²⁷ Ubat Pencair Darah, lama sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, dikemaskini 24 Jun 2019, <http://www.muftins.gov.my/v1/2019/06/24/ubat-pencair-darah/>

²⁸ Mufti Negeri Sembilan, "Ubat Pencair Darah", Laman Sesawang Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Dikemaskini 24 Jun 2019, <https://muftins.gov.my/soaljawab/ubat-pencair-darah/>

²⁹ "Comparing Arixtra vs Clexane", Laman Sesawang Drugs.com, dikemaskini 2 Disember 2024, <https://www.drugs.com/compare/arixtra-vs-clexane>

³⁰ Mohd Zulkifli Bin Awang, "Keperluan Clexane Dalam Perubatan; Satu Kajian Fiqh Kontemporari", *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 5*, (2019), 142.

APLIKASI KAEDAH *FIQH AL-DARURAH TUBIH AL-MAHZURAT* DALAM PENGGUNAAN UBAT PENCAIR DARAH

Isu ini merupakan isu yang memerlukan kepada ijtihad dan sudut pandang yang mendalam. Maka, kaedah yang boleh diaplikasikan ialah kaedah *al-Darurat Tubih al-Mahzurat* yang membawa maksud keadaan darurat mengharuskan perkara-perkara yang diharamkan. Namun bukan semua keadaan darurat boleh mengharuskan perkara yang haram. Wajib perkara haram itu kekal menjadi haram jika ianya melebihi darurat itu. Dalam ilmu usul, terdapat beberapa jenis rukhsah yang membenarkan perkara yang diharamkan iaitu:

- a) keharusan selama berada dalam tempoh darurat iaitu memakan bangkai semasa keadaan yang darurat dengan sekadarnya untuk mengelakkan kematian
- b) Perbuatan yang kekal haram namun rukhsah diharuskan atas sebab darurat seperti melupuskan harta orang Islam dan dikenakan gantian

Walaupun keadaan darurat seolah-olah dianggap mengharuskan perkara haram, namun terdapat juga darurat yang tidak harus dalam apa jua keadaan iaitu membunuh orang Islam tanpa paksaan yang kuat.³¹

Dalam isu ini, pakar perubatan akan mengutamakan nyawa dan memberikan rawatan yang terbaik dalam merawat pesakit. Walaupun terdapat beberapa jenis pilihan ubat yang lain, namun terdapat beberapa perbezaan dari segi keberkesanan serta kesan sampingan selepasnya. Maka, disinilah maqasid syariah diaplikasikan dalam memberi solusi yang terbaik terhadap setiap permasalahan yang timbul.³² Memandangkan ubat Clexane ini mengandungi unsur khinzir dalam proses pembuatannya, maka ianya telah difatwakan haram oleh Muzarakarah Fatwa Kebangsaan. Namun beberapa kajian menunjukkan bahawa keperluan kenapa ubat jenis ini disebabkan ianya tidak membawa keburukan kepada pesakit terutamanya wanita hamil dan selepas melahirkan anak. Kedua-dua ubat ini iaitu Clexane dan Arixtra mempunyai keberkesanan yang hampir sama dalam mencegah pembekuan darah (trombosis). Akan tetapi, Clexane lebih sering digunakan dalam kes-kes melibatkan obstetrik kerana sejarah penggunaannya yang luas serta data klinikal yang lebih kukuh. Selain itu, dalam kes-kes tertentu pakar perubatan akan lebih memilih Clexane terutamanya bagi kehamilan yang berisiko tinggi.³³ Kajian daripada Zizi Azlinda yang merupakan pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia menyatakan jika wanita yang telah didiagnosis menghadapi VTE ketika tempoh mengandung, mereka akan terus dipreskripsi dengan Clexane. Ini menunjukkan bahawa ubat ini akan menjadi pilihan utama bagi hospital dalam merawat VTE yang mengambil tempoh masa yang lama dalam penyembuhannya.³⁴

Penggunaan ubat pencair darah yang berkesan dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada ibu dan bayi yang dikandung merupakan satu keperluan yang

³¹ Mufti Wilayah Persekutuan, "*Bayan Linnas Siri Ke-179: Metodologi Jawapan Hukum Dan Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan*", Laman Sesawang Mufti Wilayah Persekutuan, dikemaskini 1 Jun 2019, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3440-bayan-linnas-siri-ke-179-metodologi-jawapan-hukum-dan-fatwa-mufti-wilayah-persekutuan>

³² Mohd Zulkifli Bin Awang dan Mustafa 'Afifi Ab. Halim, "Keperluan Clexane Dalam Perubatan : Satu Kajian Fiqh Kontemporari", International Fiqh Conference (2019).

³³ Mohd Zulkifli Bin Awang dan Mustafa 'Afifi Ab. Halim, "Keperluan Clexane Dalam Perubatan : Satu Kajian Fiqh Kontemporari", International Fiqh Conference (2019).

³⁴ Zizi Azlinda Mohd Yusof, Irwan Mohd Subri & Nur Zaireena Zainal, "Istihlah And Istihlak: Analysis On The Manufacture Processes Of Porcine Base Medicine (Low Molecular Weight Heparin (Lmwh)", Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa 7, No. 4 (2022), 1.

sangat mendesak. Ini berdasarkan statistik kematian ibu bersalin yang disebabkan oleh VTE menyumbang sebanyak 18.8% daripada keseluruhan kes kematian ibu di Malaysia pada tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Melihat kepada statistik kematian ibu akibat embolisme obstetrik ini menunjukkan satu keperluan intervensi yang berkesan untuk mencegah komplikasi ini dari terus menghantui para wanita terutamanya ibu hamil dan selepas melahirkan anak.³⁵

Oleh itu, pakar perubatan perlu mempertimbangkan penggunaan ubat yang tidak halal jika terbukti berkesan untuk pesakit khususnya dalam menjaga nyawa. Ia selari dengan maqasid syariah yang dituntut iaitu hifz nafs (menjaga nyawa). Dalam situasi ini, kaedah al-Darurah Tubih al-Mahzurat sesuai digunakan untuk mendepani cabaran masyarakat dan pesakit yang tidak yakin atau takut menggunakan bahan haram terutamanya yang diambil daripada babi. Contohnya, Muzakarah Fatwa Kebangsaan (2009) menyatakan keharusan penggunaan ubat bersumberkan najis dalam keadaan darurat dengan syarat tiada alternatif lain yang halal dan setara keberkesanannya.³⁶ Tambahan pula, terdapat data dan pandangan pakar perubatan seperti laporan WHO dan National Institute for Health and Care Excellence (NICE) turut menunjukkan bahawa keberkesanan rawatan adalah faktor utama dalam mencegah komplikasi serius seperti VTE ini dari terus menyerang dan membahayakan ibu mengandung.³⁷ Kaedah ini dapat mengurangkan kebimbangan masyarakat terhadap penggunaan bahan haram dan pada masa yang sama dapat memberikan rawatan yang efektif dalam mencegah serta merawat penyakit ini dengan lebih baik.

KESIMPULAN

Kaedah fiqh ini merupakan kaedah yang penting dalam menjaga kemaslahatan dan menghindari kemudaratan dalam kehidupan manusia. Melalui aplikasi kaedah ini dalam kehidupan, maka sesuatu masalah baru dapat dikenal pasti hukum dan penyelesaiannya selari dengan syariat Islam. Seterusnya akan memberi ketenangan dan kelegaan kepada masyarakat jika masyarakat dan pesakit mengetahui bahawa hukum ubat yang digunakan itu bertepatan dengan hukum syarak. Penelitian dalam isu penggunaan ubat pencair darah yang berunsurkan khinzir khusus kepada ibu mengandung lebih sesuai untuk dilaksanakan menggunakan kaedah al-darurat tubih al-mahzurat. Aplikasi kaedah ini secara menyeluruh akan membantu dalam memastikan kehidupan masyarakat mengikut acuan dan ketetapan syariat Allah yang sebenarnya. Namun, keputusan ini haruslah dibuat dengan berhati-hati dan perlu berdasarkan kepada penilaian menyeluruh oleh para profesional dan pakar perubatan yang berkeelayakan dengan mempertimbangkan pandangan pakar dalam bidang syariah. Oleh itu, aplikasi kaedah ini memerlukan sinergi antara ilmu perubatan dan pengetahuan agama untuk memastikan keputusan yang diambil adalah yang terbaik bagi ibu dan janin tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas dalam Islam.

³⁵ Zeanaaima Mohd Yusof, "Kaji fatwa 'ubat sumber babi' untuk ibu mengandung, pensusarah beritahu Jakim", Dikemaskini 7 Disember 2022, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/12/07/kaji-fatwa-ubat-sumber-babi-untuk-ibu-mengandung-pensusarah-beritahu-jakim/>

³⁶ Hukum Penggunaan Ubat Clexane dan Fraxiparine, laman sesawang e-SMAF (e-Sumber Maklumat Fatwa), dicapai 2 September 2021, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15254>

³⁷ "Venous thromboembolic diseases: diagnosis, management and thrombophilia testing", Laman Sesawang National Institute For Health and Care Excellence (NICE), Dikemaskini 2 Ogos 2023, https://www.nice.org.uk/guidance/NG158?utm_source

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, D.S. (t.th.). Penggunaan Enoxaparin (clexane) vs Fondaparinux (arixtra); haram vs halal. *Suhazeli.com* <https://suhazeli.com/wp/penggunaan-enoxaparin-clexane-vs-fondaparinux-arixtra-haram-vs-halal/%0A>.
- Al-Sadlan, S. bin G. 1997. *Al-Qawa'id Fiqhiyyah al-Kubra wa ma tafarra' anha*. Riyadh: Dar Bilanasiyah.
- Al-Suyuti, J.A.R. 1983. *al-Asybah wa Nazair fi qawaid wa furu' fiqh al-Syafiyyah*. Lubnan: Darul Kutub al-Alamiyyah.
- Halim, M.Z.B.A. dan M. 'Afifi A. 2019. Keperluan Clexane Dalam Perubatan : Satu Kajian Fiqh Kontemporari. *International Fiqh Conference*
- Hukum Penggunaan Ubat Clexane dan Fraxiparine. (t.th.).*e-SMAF (e-Sumber Maklumat Fatwa)* <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15254> [2 September 2021].
- Kumar, D.D.H.K. 2019. Mencegah VTE Semasa Mengandung. *Persatuan Pediatrik Malaysia* <https://mypositiveparenting.org/ms/2019/11/21/mencegah-vte-semasa-mengandung/#:~:text=Kehamilan meningkatkan risiko VTE sebanyak,kehilangan darah semasa kelahiran bayi.%0A>.
- Murdani. 2021. *الضرورة تبيح الحملظورات* Kondisi Dharurat Membolehkan Hal-hal yang Diharamkan. ", *Jurnal al-Mizan: Jurnal Hukum Islam dan Ekonomi Syariah* 8: 105.
- Nadwi, A.A. 1994. *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah: Maqhumuha, Nash 'Atuha, Tatawwuruha Dirasatmu'allafatiha Adillatuha, Muhimmatuha Tatbiqatuha*. Damsyik: Darul Qalam.
- Persekutuan, M.W. 2019. BAYAN LINNAS SIRI KE-179: METODOLOGI JAWAPAN HUKUM DAN FATWA MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3440-bayan-linnas-siri-ke-179-metodologi-jawapan-hukum-dan-fatwa-mufti-wilayah-persekutuan>.
- Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP), Kementerian Kesihatan Malaysia
- Sobri, M.F.H.& M. 2020. Aspek-Aspek Pemikiran Kritis Dalam al-Qawaid al-Fiqhiyyah. *Jurnal Syariah* 3: 527–564.
- Syed Bukhari a, Shumail Fatima b, A.F.B. c. 2022. Venous thromboembolism during pregnancy and postpartum period. *European Journal of Internal Medicine* 97: 8–17.
- Thromboembolism?, What Is Venous. 2022.*National Heart, Lung and Blood Institute*, <https://www.nhlbi.nih.gov/health/venous-thromboembolism>.
- Ubat Pencair Darah. 2019.*Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan* <http://www.muftins.gov.my/v1/2019/06/24/ubat-pencair-darah/>.
- Yusof, Z.M. 2022. Kaji fatwa 'ubat sumber babi' untuk ibu mengandung, pensyarah

beritahu Jakim

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/12/07/kaji-fatwa-ubat-sumber-babi-untuk-ibu-mengandung-pensyarah-beritahu-jakim/%0A%0A>.

Zizi Azlinda Mohd Yusof, I.M.S.& N.Z.Z. 2019. The Application Of Porcine Based Medicine In Pregnancy And Puerperium As Preventive Medicine From Maqasid Shariah:A Literature Review. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 13: 129.